




Bab Satu



BAB I

SEKULARISME DAN PERTUMBUHANNYA.

1. PENDAHULUAN

Fahaman sekular atau sekularisme adalah satu fahaman yang telah menjadi sebatian dengan pemikiran segolongan umat Islam di seluruh dunia. Kumpulan ini menjadi pendokong kuat kepada fahaman tersebut semenjak zaman penjajahan Barat sehingga selepas negaranya merdeka sehingga ke hari ini.

Pengaruh fahaman ini begitu kuat menunjal masuk ke dalam pemikiran umat Islam sehingga ia berjaya menguasai mereka. Lebih jauh daripada itu ia turut sama membina dan mencorakkan budaya serta cara hidup masyarakat malah sehingga menggugat akidah dan kepercayaan mereka. Ia menjadi suatu 'sindrom' yang sedang meresapi minda dan budaya umat Islam, sekaligus telah mencetuskan kemelut pemikiran yang mencemari nilai dan budaya Islam yang bersumberkan wahyu Ilahi.

Di dalam sejarah dunia Islam, keruntuhan Kerajaan Uthmaniyyah Turki ditangani oleh setiap umat Islam yang cintakan Islam. Manakala tertubuhnya republik sekular Turki telah mengubah pemerintahan berkhilafah secara Islam kepada suatu sistem pemerintahan sekular yang secara langsung telah memusnahkan setiap sistem yang berteraskan *Syari'ah Islamiyyah*.

Umumnya, kehadiran fahaman sekularisme di dalam masyarakat Islam sukar untuk dikesan. Namun realitinya, terdapat sebahagian daripada masyarakat Islam Malaysia yang telah dipengaruhi oleh fahaman ini.

2.0 PENGERTIAN SEKULARISME

2.1 Pengertian Dari Segi Bahasa

Perkataan *sekularisme* sebenarnya bukan berasal daripada perkataan Inggeris. Demikian juga tiada istilah di dalam bahasa Arab dan Parsi yang memberi pengertian yang sama seperti *sekularisme*.¹

Ia dipercayai berasal daripada akar kata *sekular* di mana di dalam Bahasa Inggeris, ia dieja sebagai *secular*.² Dalam memberikan pengertian kepada perkataan *secular* ini pelbagai pendapat telah dikemukakan.

Di antaranya ialah seperti yang disebut oleh Dr. Syed Muhammad al-Naqui al-Attas, seorang tokoh pemikir Islam di tanahair pada masa kini, bahawa *secular* diambil daripada perkataan Latin; *saeculum* yang membawa pengertian tersirat bagi masa dan lokasi. Pengertian masa merujuk kepada 'sekarang' atau 'kini' manakala lokasi merujuk kepada 'dunia'. Oleh itu *saeculum* bermaksud 'abad ini' atau 'pada masa kini'. Ia merujuk pula kepada peristiwa-peristiwa di dalam dunia ini ataupun peristiwa-peristiwa semasa.³

Pendapat lain pula menyatakan bahawa sekularisme diambil daripada perkataan Latin; *saeculum*⁴ yang bererti 'satu abad atau lebih sedikit'. Ada pula yang menyatakan ia berasal daripada perkataan Yunani; *saecular* yang bererti 'keduniaan' kemudiannya ditulis sebagai *secular*.⁵ Pendapat seterusnya ialah ia berasal daripada akar kata *sekular* (*secular*) yang bererti 'dunia'.⁶

¹ Amaludin Darus, (1985), *Islam Agama Manusia Sejagat*, Subang Jaya: Pustaka ABAD, hal. 11.

² A. Samad Hamid, Drs., (1986), *Islam Dan Pembaharuan*, Singapura: Pustaka Nasional, hal. 62.

³ Syed Muhammad al-Naqui al-Attas, (1978), *Islam And Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, hal. 14.

⁴ David Martin, (1969), *The Religious And The Secular*, London, hal. 48.

⁵ A. Shamad Hamid, *op.cit.*, hal. 62.

⁶ Haron Din, Dr., (1990), *Manusia Dan Islam*, jil. 3, Kuala Lumpur: DBP, hal. 295.

Di dalam kitab *al-Mausū'ah al-Muyassarah*, *sektularisme* disebut sebagai *al-Īdānīyyah* (yang tidak beragama) atau *al-Dunyānīyyah* (yang bersifat dunia) iaitu merujuk kepada seruan supaya membina kehidupan tanpa di atas dasar agama. Manakala dari sudut siasah (politik) pula ia memberi erti hukuman yang gersang daripada nilai-nilai agama. Definisi ini tiada kaitan langsung dengan kalimah 'ilmu' ataupun aliran keilmuan.⁷

Selain daripada itu ada juga pengertian yang diberikan dengan makna *non religious* atau tidak beragama dan tidak berakidah.⁸ Manakala bagi Prof. Ahmad Syalabi, seorang sarjana Islam yang terkemuka menyatakan bahawa istilah ini lebih popular dengan pengertian *atheis* iaitu tidak percaya kepada adanya agama.⁹

Selain daripada itu, apabila istilah ini dikaitkan dengan Bahasa Arab iaitu '*Īlmānīyyah*' maka golongan Arab Kristian terutama di Lubnan mengatakan bahawa asal bagi perkataan ini ialah '*Īlm* (علم).¹⁰ Ini seolah-olah bermakna ia berkait rapat dengan persoalan keilmuan.

Namun sebenarnya ia tiada kaitan dengan persoalan ilmu kerana realitinya asal perkataan '*Īlmānīyyah*' adalah '*ʿālamānīyyah* (علمانية) yang berasal daripada perkataan '*ʿālam* (علم) seperti yang dinyatakan oleh seorang sarjana Islam lain, Syekh Mohammad Mahdi. Maka sepatutnya sewaktu menyebut, ia mesti dibaca dengan huruf '*ain* (ع) berbaris di atas iaitu '*ʿAlmānīyyah* (علمانية).¹¹

⁷-----, (t.t), *al-Mausū'ah al-Muyassarah Fī al-Adyān wa al-Mazāhib al-Mu'āṣirah*, Riyāḍ: Seminar Antarabangsa Bagi Pemuda Islam, hal. 367.

⁸Ali Mohd Jarīsyah, Prof., (t.t), *Asālib al-Ghazwī al-Fikrī li al-ʿĪlam al-Islāmī*, Qāherah: Dar al-ʿItisām, hal. 59.

⁹Ahmad Syalabi, Prof. Dr., (1988), *Sejarah Dan Kebudayaan Islam*, (terj.), Jakarta: Kalam Mulia, hal. 39.

¹⁰Abdul Hadi Awang, 'Sekularisme' dalam kaset *Kuliah Pagi Jumaat Mingguan* di Masjid Rusila, Terengganu, Kuala Terengganu: Pustaka al-Nahdah.

¹¹*Ibid*

Manakala menurut Profesor Manna' Khalil al-Qaṭṭān¹², *'Ulmāniyyah* ialah *maṣḍar ṣinā'i*¹³ yang disandarkan kepada *al-'Ilm*. Ditambahkan padanya *alif* dan *nun*. Ia tidak boleh dianalogikan (qiyas) dengan sebarang kalimah Arab lain. Asalnya adalah sekadar *ṣinā'i* (pendengaran) sahaja yang kemudiannya tersebar penggunaannya dengan meluas seperti juga perkataan jasmani, rohani dan nurani.¹⁴

Dari sudut bahasa ia dinisbahkan kepada ilmu. Ini berdasarkan kepada *isytīqāq ḥuḡawī* (pecahan bahasa) yang mengikut sebutan yang melata baginya iaitu *al-'Ulmāniyyah*. Tetapi hakikat maknanya tiada hubungan langsung dengan ilmu. Perkataan ini bermaksud keduniaan ataupun bukan agama. Mungkin golongan sekular menisbahkannya kepada ilmu dengan anggapan bahawa kemunculan gerakan sekular adalah hasil kejayaan ilmu (sains) terhadap kekuasaan gereja.¹⁵

Sebagai kesimpulan, definisi sekularisme dari sudut bahasa lebih hampir kepada sesuatu yang bersifat keduniaan serta jauh daripada nilai-nilai agama. Oleh itu fahaman sekularisme adalah suatu ideologi yang bersifat keduniaan yang meminggirkan nilai-nilai agama daripada kehidupan.

¹² Beliau ialah seorang profesor di Universiti al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah, Riyāḍ

¹³ *Maṣḍar ṣinā'i* (مصنعي) ialah kata terbitan hasil buatan, bukannya berdasarkan kepada *wazan* (وزن).

¹⁴ Manna' Khalil al-Qaṭṭān, Prof., (1998), *Mu'awwiqāt Taḥḏīq al-Ṣyarī'ah al-Islāmiyyah*, (terj. oleh Haji Juanda Haji Yahya), Selangor: Maktabah al-Qaraḍāwī, hal. 35.

¹⁵ *Ibid.*

2.2 Pengertian Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, sekularisme ialah fahaman falsafah yang memisahkan urusan-urusan keduniaan daripada urusan keagamaan (keakhiratan). Ia meninggalkan peranan agama dan Tuhan dari segala urusan kehidupan manusia.¹⁶

Di dalam kamus *The Advanced Learner's Dictionary Of Current English*, fahaman ini diertikan sebagai:

"satu pandangan bahawa campurtangan agama mesti dikurangkan dengan sebanyak mungkin manakala unsur moral dan pendidikan mesti diasingkan daripada agama".¹⁷

Di dalam ensiklopedia *The Encyclopedia Americana* pula menyatakan:

"Sekularisme ialah satu sistem etika yang diasaskan di atas prinsip moral semulajadi dan tidak bergantung kepada agama atau kuasa ghaib".¹⁸

Kebanyakan para pengkaji bersepakat untuk mendefinisikan sekularisme sebagai fahaman atau ideologi yang memisahkan agama dari kehidupan dunia yang meliputi aspek politik, ekonomi, perundangan dan kemasyarakatan. Di sisi golongan sekular, agama tidak berhak dicampur aduk dengan urusan negara dan pentadbiran, hukum dan tatanegara.

Sebenarnya andaian ini mempunyai kebenarannya apabila kita merujuk kepada pendirian golongan sekular tersebut. Sebagai contoh, Thomas Hobbes (1588-1679), seorang ahli falsafah Inggeris berpendirian bahawa seluruh kehidupan manusia adalah usaha yang tidak berhenti-henti untuk mencari kekuasaan (*ceaseless search for power*). Pendirian ini adalah rangkuman kepada gagasan Niccolo Machiavelli (1469-1527),

¹⁶ Muhammad Qutb, (1983), *Mazāhib Fikriyyah al-Mu'āṣirah*, Qāherah: Dār al-Syurūq, hal. 11.

¹⁷ A.S. Hornby, (1974), *The Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English*, Oxford University Press, hal. 1147.

¹⁸ -----, (1991), *The Encyclopedia Americana*, Grolier Incorporated, jil 24, hal. 510.

seorang ahli politik Florence, Itali yang telah meminggirkan idealisme Kristian sebaliknya mengutamakan politik kekuasaan yang realistik.¹⁹

Demikian juga seperti apa yang disebut oleh G.S. Holyoake (1817-1906) bahawa sekularisme adalah gabungan sistem etika dan falsafah yang bertujuan memberikan interpretasi atau pengaturan kepada kehidupan umat manusia tanpa kepercayaan kepada Tuhan, kitab suci atau kehidupan di akhirat.²⁰

Dr. Muhammad 'Imārah²¹ pula menyatakan *al-'almāniyyah* dari sudut istilah ialah satu aliran keduniaan yang mentadbir dunia tanpa sebarang campurtangan agama di sebaliknya. Bagi memahami istilah ini dengan tepat perlulah meneliti kepada sejarah pertumbuhannya di dunia Eropah yang dipenuhi dengan falsafah Greek dan Rom.²²

Di samping itu proses sekularisasi (*secularization*) dimaksudkan kepada pembebasan manusia daripada belenggu agama dan kemudian daripada kawalan alam metafizik ke atas kesemua kehidupannya.²³

Kesimpulan daripada perbincangan di atas ialah sekularisme adalah satu fahaman yang membawa kepada pemisahan di antara kehidupan beragama daripada segala kehidupan masyarakat sama ada dalam aspek politik, moral, pendidikan, perundangan dan sosial. Dengan kata lain ia adalah pemisahan di antara dunia daripada akhirat. Maka segala fahaman yang mengarahkan kepada keinginan untuk memisahkan di antara keduanya ialah fahaman yang dipengaruhi oleh sekularisme. Apatah lagi sekiranya fahaman itu hanya mengambil sebahagian sahaja iaitu mengambil perkara dunia sahaja dengan meninggalkan perkara akhirat.

¹⁹H. Oemar Bakry, (1984), *Islam Menentang Sekularisme*, Jakarta: Mutiara, hal. 18.

²⁰H.M. Rasyidi, Prof., (1973), *Sekali Lagi Sekularisasi Dan Sekularisme*, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 21.

²¹Beliau ialah ilmunan Islam terkemuka yang kini bertugas di Universiti Qāherah, Mesir.

²²Muhammad 'Imārah, Dr., (1996), *Al-'Almāniyah Baina al-Gharbi wa al-Islām*, Kuwait: Dar al-Dakwah, hal. 5.

²³Syed Muhammad al-Naqui al-Attas, *op.cit.*, hal. 15.

Meskipun para sarjana Barat dan Islam tidak bersepakat tentang definisi sebenar sekularisme tetapi kebanyakannya hampir-hampir bersetuju bahawa pengertian yang sebenar ialah pengasingan aspek agama daripada bidang-bidang kehidupan seperti politik atau pemerintahan, ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya. Justeru itu, dalam konteks kajian ini, fahaman sekularisme merujuk kepada ideologi Barat yang meminggirkan nilai-nilai agama daripada bidang-bidang kehidupan.

3.0 SEJARAH KELAHIRAN SEKULARISME

Dari segi sejarah, fahaman sekularisme mulai muncul di Eropah setelah berlakunya zaman *Renaissance* dalam abad 14 hingga abad 16 Masihi.²⁴ Abad ini menjadi tonggak sejarah kebangunan kebudayaan Barat.²⁵

Fahaman ini muncul di dalam masyarakat Eropah dengan menggantikan ciri-ciri Kristian yang telah mewarnai Eropah sepanjang abad pertengahan. Ia adalah rentetan kepada siri-siri penentangan masyarakat kepada institusi gereja dan paderi yang menguasai dan mengongkong kehidupan sehingga menimbulkan suasana huru-hara dan kezaliman yang cukup kejam di tengah-tengah masyarakat. Kecenderungan ini tersebar ke seluruh dunia terutama setelah meletusnya Revolusi Perancis pada tahun 1789.²⁶

²⁴ *Renaissance* adalah suatu gerakan intelektual yang berkembang di selatan Eropah (Itali) dari abad 14 hingga 16. Secara *literal* (perkataan) ia bermaksud kelahiran semula (rebirth) kerana masyarakat Eropah abad ke-14 ingin kembali ke zaman kegemilangan Greek dan Rom sesudah hampir 600 tahun mereka melalui zaman gelap yang tidak menjanjikan kemajuan pesat dari segi politik, ekonomi dan sosial. Pada zaman silam, muncul tokoh-tokoh falsafah seperti Socrates, Plato dan Aristotle yang menekankan kepentingan humanisme, logik dan demokrasi. Menjelang penghujung abad ke-15, *Renaissance* berkembang ke utara Eropah iaitu negeri-negeri seperti England, Belanda, Jerman dan Perancis. Lihat Sivachandralingam Sundara Raja, (1998), *Tamadun Eropah*, cet. 3, Shah Alam: Pustaka Fajar Bakti, hal 110.

²⁵ Che Yusuf Che Mamat, (1988), *Sekularisme: Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, hal. 7.

²⁶ E.I.J. Rosenthal, (1991), *Islam In The Contemporary National State*, Cambridge, hal. 6.

Terdapat beberapa peristiwa penting yang mendorong kepada kelahiran dan kemunculan fahaman ini. Peristiwa-peristiwa itu dari segi kronologinya ialah seperti berikut²⁷:

- i. Ia bermula apabila ahli-ahli agama (Kristian) mulai berubah menjadi kejam, zalim dan menyalahgunakan kuasa agama dengan berlindung di sebalik slogan kependitaan, Majlis Makan Malam Ketuhanan (Lord Buffet), jualan kad-kad pengampunan dan sebagainya.
- ii. Gereja mulai memusuhi Sains dan ia mulai mengongkong pemikiran ahli-ahli Sains serta mengugut mereka dengan menggunakan mahkamah-mahkamah penyiasatan. Di antara saintis yang muncul pada masa itu ialah:
 - a. Copernicus (1473-1543). Beliau telah menyebarkan buku yang bertajuk *On The Revolutions of the Celestial Spheres* pada tahun 1543M namun telah diharamkan oleh pihak gereja. Teorinya yang terkenal ialah bumi dan planet-planet lain mengelilingi matahari yang menjadi pusat alam.
 - b. Francis Bacon (1561-1626M). Beliau adalah seorang ahli falsafah Inggeris yang mengemukakan satu konsep baru tentang sains yang bertentangan dengan Aristotle. Beliau juga menonjol dengan kaedah eksperimennya (induktif) dan mahu kaedah ini dilaksanakan di dalam segala aspek kehidupan²⁸.
 - c. Gordano(m 1642). Beliau telah mencipta alat teleskop. Malangnya beliau telah ditangkap dan diseksa dengan teruk oleh pihak gereja. Pada tahun 1642M beliau meninggal dunia.
 - d. Rene Descartes (1596-1650). Menerusi bukunya *Discourse on Method*, beliau secara tidak langsung telah menghasilkan karya teologi yang unggul. Beliau menegaskan segala sesuatu bermula kerana manusia, tanpa manusia tiada apa yang mungkin terhasil. Falsafah ini menjadi asas kepada 'hukum

²⁷ Al-Mausū'ah al-Muyassarrah, *op.cit*, hal. 367-370.

²⁸ Menurut Bacon, kaedah induktif akan menerangkan minda dan membuktikan lebih banyak kebenaran. Kaedah ini digunakan dalam pengkajian sains moden

- lojik' yang kemudiannya menyedarkan masyarakat untuk berfikir secara lebih kritis dan bernas dalam mempersoalkan keadaan persekitaran mereka.
- c. John Locke (1632-1704). Beliau cuba meletakkan pengaruh wahyu di bawah akal ketika berlaku pertembungan.
 - f. Spinoza (1632-1677). Beliau adalah pengasas aliran 'Kritikan Sejarah'.
- iii. Selepas itu, prinsip akal dan konsep semulajadi (*nature*) mulai muncul dan menjadi gaya pemikiran utama masyarakat. Ketika ini golongan sekular mulai menyebarkan konsep kemerdekaan dan kebebasan akal.
- iv. Revolusi Perancis meletus sebagai akibat daripada pertembungan di antara pihak gereja dengan gerakan reformasi sehingga melahirkan Kerajaan Perancis pada tahun 1789M. Inilah kerajaan pertama di dunia yang meminggirkan nilai-nilai agama di dalam pemerintahan. Terdapat pandangan yang menyatakan gerakan Freemason telah mengeksploitasi segala kelemahan pihak gereja dan Kerajaan Perancis seterusnya mereka mendalangi Revolusi Perancis demi merealisasikan segala konspirasi yang telah diatur.
- v. Kemunculan zaman pembaharuan (*Renaissance*) yang melahirkan ramai cendekiawan Barat, di antaranya ialah:
- a. Baruch Spinoza (1632-1677) seorang Yahudi yang dianggap perintis kepada fahaman sekular yang menjadi sistem kehidupan dan akhlak. Beliau telah menghasilkan karya agungnya iaitu *Ethics* dan berpendapat bahawa *nature* itulah sebenarnya Tuhan.
 - b. Montesquieu (1689-1755) yang menghasilkan *The Spirit of Law*. Di dalam buku ini beliau menyatakan kekuasaan sesebuah kerajaan perlu dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman (*judicial bodies*).
 - c. Voltaire (1694-1778), iaitu penulis kepada buku *Law of Nature*.

- d. Jean-Jacques Rousseau (1712-1778) yang menghasilkan buku *The Social Contract*²⁹ yang dianggap pendorong kepada Revolusi Perancis.
 - e. Immanuel Kant (1724-1804), seorang filosof agung Jerman yang telah menghasilkan buku *Religion Within The Limits of Reason Alone* (Agama Di Dalam Batasan Akal Semata-mata) pada tahun 1804.
 - f. William Joudain (1793) yang menulis 'Keadilan Politik'. Beliau telah menyeru masyarakat kepada sistem sekular secara terang-terangan.
- vi. Kemunculan Teori Evolusi yang diasaskan oleh Charles Darwin, seorang ahli biologi Inggeris (1808-1882M) menerusi tulisannya *The Origin of Species* (asal usul jenis-jenis haiwan). Beliau berpendapat asal-usul manusia ialah daripada *ameoba*, sejenis haiwan yang mempunyai satu sel. Selanjutnya pada tahun 1871, dalam bukunya yang bertajuk *The Descent of Man* (asal keturunan manusia), Darwin menyatakan bahawa manusia berasal daripada binatang-binatang khususnya mawas manusia (ape-man)³⁰. Teori ini membawa kepada keruntuhan akidah dan tersebarnya fahaman atheis. Apatah lagi apabila golongan Yahudi telah mengeksploitasi teori ini dengan seluas-luasnya.
 - vii. Kelahiran Karl Marx (1818-1883), seorang Yahudi yang menjadi pengasas aliran materialistik dan pendokong kuat kepada teori evolusi. Beliau juga adalah pengasas kepada fahaman Komunis yang kemudiannya tersebar luas ke serata dunia.
 - viii. Kelahiran ahli Falsafah Jerman, Friedrich Nietzsche (1844-1900). Di dalam bukunya, *Thus Spoke Zarathustra* dia memperkenalkan konsep

²⁹Di dalam buku ini, Rousseau menyatakan bahawa apabila manusia telah membentuk perjanjian sosial untuk hidup di dalam sebuah masyarakat, mereka mewakili kekuasaan kepada kerajaan. Bagaimanapun mereka berhak menyingkirkan kerajaan tersebut apabila perlu.

³⁰Sulaiman Haji Noordin, (1978), *Teori Evolusi: Suatu Fakta Atau Asas Ideologi?*, Kuala Lumpur: Akademi Sains Islam Malaysia, ed. 1, hal. 1. Michael D. Harkavy, (1996), *The New Webster's International Encyclopedia*, Florida: Trident Press International, hal. 291.

manusia agung (superman) dan mendakwa bahawa Tuhan telah mati dan tempat tuhan itu telah diambil alih oleh *superman*.

- ix. Kemunculan Sigmund Freud (1856-1939), seorang Yahudi yang berpendapat bahawa punca kepada kekacauan ialah keinginan manusia yang cukup tinggi kepada seks. Manusia sendiri adalah 'haiwan seksual' yang amat perlu kepada seks.

Dengan berlakunya peristiwa yang telah disebut di atas serta kemunculan tokoh-tokoh Sains dan pemikir Barat dengan membawa gaya pemikiran masing-masing telah berjaya mempengaruhi pemikiran dan kehidupan masyarakat Barat pada masa itu sehingga melahirkan fahaman sekular sebagai ideologi terbaru di tengah-tengah masyarakat dan kehidupan.

3.1 Pengasas Sekularisme

Tidak banyak catatan yang dapat ditemui di dalam perbincangan ini meskipun ada yang berpendapat bahawa Niccolo Machiavelli (1469-1527)³¹ itu adalah tokoh yang mula mencetuskan fahaman ini.³²

Namun begitu ada juga yang berpendapat ia dimulakan oleh seorang berbangsa Inggeris yang bernama George Holyoake (1817-1906) dengan memimpin satu gerakan materialistik dan rasional³³ pada tahun 1846.³⁴ Beliau juga telah mengasaskan sebuah

³¹Menerusi bukunya, *The Prince*, beliau telah menggalurkan cara-cara bagaimana seorang pemerintah boleh memiliki, mengekal dan meningkatkan kekuasaan. Kerajaan adalah matlamat raja. Jika raja mendapati kedudukannya tergugat disebabkan seorang penasihatnya yang tidak jujur, raja harus mengorbankannya untuk kepentingan sendiri. Secara tidak langsung buku ini menjadi kitab teori politik bagi pemerintah Eropah. Lihat Sivachandralingam Sundara Raja, *op.cit.*, hal. 118.

³²H. Omar Bakry, *op.cit.*, hal. 18, Lihat juga al-Bahi, Muhammad, Dr., *Penentangan Islam Terhadap Aliran Pemikiran Perosak*, (terj. oleh Dr. Mat Saad Abd. Rahman & Mohd Akhir Hj. Yaacob), Kuala Lumpur: HIZBI, hal. 106.

³³Golongan rasionalis berpendapat manusia ialah yang menentukan masa hadapan mereka tanpa terikat dengan pengaruh-pengaruh lain. Manusia tidak patut tunduk membabi-buta kepada hukum takdir.

³⁴E.F. Bozman, M.A., (1967), *Everyman's Encyclopedia*, jil. 11, London: J.M. Dent and Sons Ltd, hal. 104.

pertubuhan yang bersifat sekular di London bagi menuntut pembebasan masyarakat daripada belenggu gereja.³⁵

Namun menurut kajian yang lebih tepat pengaruh sekular ini mulai timbul di dalam masyarakat Barat apabila muncul kumpulan pemikir yang membawa reformasi pemikiran kepada masyarakat sehingga menyebabkan mereka berani menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap sikap gereja yang mengongkong kehidupan. Perubahan ini terkenal dalam sejarah sebagai zaman *Renaissance*.³⁶ Malah idea kepada reformasi pemikiran ini dikatakan timbul setelah kumpulan pemikir tersebut mempelajari karya-karya Islam khususnya karangan Ibn Rusyd (1126-1198) yang lebih dikenali di Barat sebagai *Averroes*.³⁷

3.2 Faktor Kelahiran Sekularisme

Kelahiran sekularisme telah diramalkan oleh beberapa orang ahli fikir dan ahli falsafah Kristian semenjak daripada awal abad pertengahan lagi. Sebagai contoh seorang ahli falsafah sosiologi Perancis abad pertengahan, Auguste Comte (1798-1857) telah meramalkan bahawa akan terjadi suatu pertumbuhan ilmu dan keruntuhan agama.³⁸

Manakala penyair Jerman, Friedrich Nietzsche (1844-1900) menerusi watak Zarathustra di dalam karyanya, *Thus Spoke Zarathustra* telah mengeluarkan teori yang mengatakan bahawa “Tuhan telah mati” untuk dunia Barat. Ringkasnya para pemikir telah meramalkan kedatangan suatu peristiwa pembebasan kehidupan daripada Tuhan dan kelepasan daripada ikatan agama.³⁹

³⁵Fathi Ghanim, (1998), *Azmah al-Islām ma’a al-Siāsah*, Julai, t. pt., hal. 81.

³⁶A. Shamad Hamid, *op.cit*, hal. 63.

³⁷*Ibid*.

³⁸Syed Muhammad al-Naqib al-Attas, *op.cit*, hal. 1.

³⁹*Ibid*, hal. 2.

Ramalan ini tercetus ekoran daripada timbulnya pergolakan dahsyat di dalam masyarakat Kristian Eropah yang akhirnya menyedarkan para pemikir Barat bahawa ia akan menimbulkan suatu revolusi atau perubahan besar di dalam kehidupan masyarakat Barat. Pergolakan ini berpunca daripada sikap gereja sendiri yang menyalahgunakan kuasa dan kesetiaan orang-ramai kepada mereka.

Sebenarnya dalam agama Kristian, gereja adalah institusi keagamaan yang tertinggi dan paling dihormati. Segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak gereja akan dihormati dan dipakai oleh masyarakat. Manakala kuasa perundangan gereja pula berada di dalam kekuasaan *Paus* dan Majlis Agung Agama. Justeru itu institusi gereja dan golongan paderi menjadi kumpulan yang paling mulia di dalam masyarakat.⁴⁰

Namun menjelang abad 16 keadaan ini mulai berubah. Penyelewengan dan keruntuhan moral oleh golongan gereja berlaku dengan ketara. Raja-raja dan putera-puteri mereka, *Paus*, *abbot* (ketua biara lelaki) dan pendita-pendita Kristian telah mula mengenenpikan nilai-nilai ajaran Kristian semata-mata kerana mengejar kemewahan. Kecenderungan kepada kepentingan diri sendiri serta perlumbaan untuk mengumpul segala kemewahan dan keseronokan lebih diutamakan daripada isu kemiskinan, kebajikan dan kepatuhan serta menjaga dan meninggikan kehormatan agama Kristian.⁴¹

Dari sini jelas bahawa punca utama kemunculan fahaman ini ialah kerana wujud dua golongan yang saling bertelingkah iaitu golongan pemerintah dan kumpulan gereja yang masing-masing enggan tunduk dan mengalah kepada yang lain.⁴²

Di samping itu, di sini dinyatakan beberapa faktor lain yang turut membawa kepada kelahiran fahaman sekularisme di Eropah iaitu:

⁴⁰ Carlton J.H. Hayes, (1971), *Modern Europe To 1870*, (terj.), Kuala Lumpur: DBP, hal. 149.

⁴¹ *Ibid*, hal.155.

⁴² al-Bahi, *op.cit* , hal. 49.

3.2.1. Kezaliman Pihak Gereja

Pada sekitar abad pertengahan, pihak gereja di Eropah telah menguasai seluruh kehidupan masyarakat. Penguasaan ini akhirnya mendorong mereka menyeleweng dan menyalahguna kuasa yang ada. Golongan gereja bermaharajalela melakukan apa sahaja menurut kehendak hawa nafsu mereka tanpa ada pihak yang mampu menghalang mereka. Segala peraturan yang digubal oleh mereka terpaksa diterima oleh masyarakat Kristian dengan sepenuhnya. Mereka dianggap golongan paling mulia dan mempunyai hubungan batin dengan Tuhan.⁴³

Oleh sebab itu, golongan gereja juga memiliki kuasa kerohanian ke atas manusia kerana mereka dianggap perantara di antara manusia dan Allah. Manakala anak kecil tidak akan menjadi Kristian kecuali selepas menjalani proses *pembaptisan* (penyucian diri).⁴⁴

Pihak gereja banyak melakukan penyelewengan seperti Pope Innocent III (1161-1216) yang mempunyai hak mutlak dalam mentafsirkan Bible. Beliau pernah memaksa Raja John, pemerintah England supaya tunduk dan menjadi orang suruhan beliau.⁴⁵ Beliau juga pernah berkata: *"tiada kelepasan bagi jiwa seseorang apabila tidak tunduk kepada Pope. Akulah raja segala raja dan Pope yang menguasai seluruh agama."*⁴⁶ Selain daripada itu, Lodewijk XIV, pemerintah Perancis juga pernah mengungkapkan: *"Akulah negara, apa yang keluar dari mulutku itulah undang-undang"*⁴⁷

⁴³Che Yusuff Che Mamat, *op.cit.*, hal. 20.

⁴⁴Sulaiman Noordin, Prof. Madya, Dr., "Liberalisme Alat Untuk Memusnahkan Manusia", dalam *al-Islam*, bil. 263, November 1995, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., hal. 24.

⁴⁵Pope Innocent III juga adalah orang yang bertanggungjawab memulakan Perang Salib IV. Lihat The New Webster's International Encyclopedia, *op. cit.*, hal. 542.

⁴⁶Dipetik daripada Abdul Halim Hj. Mat Diah, Dr., (1989), *Beberapa Masalah Ummah*, Kuala Lumpur: ABIM, hal. 70.

⁴⁷*Ibid*, hal. 71.

Pada tahun 1215, gereja Rome telah memberi kuasa kepada ketua paderi atau Pope untuk mengampunkan dosa kepada sesiapa sahaja yang dia mahu.⁴⁸

3.2.2 Pencerokaan dan Penemuan Bidang-Bidang Baru

Bertolak daripada perasaan tidak puas hati kepada golongan gereja, masyarakat Eropah menjadikan penemuan-penemuan baru mereka sebagai tumpuan walaupun sebenarnya institusi gereja hampir menjadi kuasa teragung di sepanjang kurun pertengahan di Eropah. Penemuan-penemuan yang dimaksudkan ialah dalam bidang penyelidikan tabie (nature).⁴⁹

Di antara bidang yang berkembang maju pada abad 16 ialah sudut perkembangan teknologi khususnya Teknologi Binaan dan Proses Pembangunan Masyarakat. Masyarakat yang sememangnya sudah tidak senang kepada golongan gereja akibat kemerosotan moral telah menjadikan bidang ini sebagai tumpuan utama mereka. Hal ini menjadikan fahaman sekularisme atau semangat untuk memisahkan kehidupan mereka daripada pengaruh gereja mulai tumbuh dan membaja.⁵⁰

Pada masa itu juga masyarakat Barat sendiri mula berlumba-lumba mengejar kekayaan dan kemewahan sehingga berlaku pengabaian terhadap ajaran agama. Apa yang menyedihkan, perkara ini bukan sahaja berlaku di dalam masyarakat awam tetapi turut membabitkan golongan gereja sendiri. Dinyatakan oleh Carlton J. H. Hayes di dalam bukunya bahawa Paus Alexander VI (1492-1503) adalah pendita Kristian yang tidak bermaruah kerana sikapnya yang mementingkan kemewahan semata-mata.⁵¹

⁴⁸ Ahmad Syalabi, Dr., (1977), *Muqāranah al-Adyān al-Masīhiyyah*, cet. 5, Qāherah: Maktabah al-Nahḍah, hal. 136.

⁴⁹ Carlton, *op.cit*, hal. 155.

⁵⁰ *Ibid*, hal. 156.

⁵¹ *Ibid*.

Selain itu, perkembangan pesat di dalam seni bina dan seni drama juga turut mempengaruhi dan melalaikan masyarakat Barat pada ketika itu. Kelekaan kepada nilai estetika yang mulai muncul turut melekakan golongan gereja. Sebagai contoh, seorang pendita, Lorenzo De Merici kerana terlalu minat kepada kesenian drama dan seni bina sanggup menghabiskan banyak wang untuk membina gereja St. Peter di Rom dan menghiasnya agar kelihatan menarik.⁵²

3.2.3 Perkembangan Ekonomi.

Sikap materialistik masyarakat Eropah yang diwarisi secara turun temurun dan telah menjadi sebatian dengan kehidupan mereka adalah juga salah satu daripada faktor pertumbuhan sekularisme di Barat. Perkembangan ekonomi yang merangsang masyarakat serta kedudukan Itali yang strategik menambahkan keinginan mereka untuk menceburi bidang ekonomi dengan mengempikan nilai-nilai agama dalam kehidupan.⁵³

Bandar-bandar di bahagian utara Itali seperti Milan, Genoa dan Florence berkembang pesat dan mula berfungsi sebagai pusat politik, ekonomi dan sosial. Florence berkembang menjadi tempat tinggal para pedagang, di antaranya keluarga Medici.⁵⁴

3.2.4 Perkembangan Bidang Astronomi

Perkembangan dalam bidang Astronomi telah menimbulkan kontroversi kerana teori-teori barunya. Golongan gereja sendiri telah berpecah kepada dua kumpulan.

⁵²Roberto Ergang, (t.t), *Europe From The Renaissance to Waterloo*, ed. 3, Lezington Massachusetts: D.C. Heath and Company, hal. 45.

⁵³Carlton, *op.cit*

⁵⁴Keluarga Medici yang meraih kekayaan daripada perdagangan kain bulu dan industri perbankan muncul sebagai golongan kelas pemerintah. Keluarga ini menjadi dominan pada abad ke-15 dan mereka diidentifikasikan dengan kebudayaan dan politik *Renaissance*. Lihat: Sivachandralingam Sundara Raja, *op.cit*, hal. 118

Kumpulan pertama menerima perkembangan ini manakala yang kedua menolaknya kerana teori itu dianggap bertentangan dengan ajaran Kristian. Lantaran itu golongan pertama telah bertindak meninggalkan gereja kerana tidak puas hati dengan sikap gereja. Sebagai contoh, Copernicus (1473-1543), seorang paderi bangsa Pole telah meninggalkan tugasnya di gereja dan menumpukan perhatiannya kepada ilmu kaji bintang.⁵⁵

Teori Copernicus yang menyatakan bahawa matahari adalah pusat bumi telah menimbulkan kemarahan ahli gereja yang lain kerana mereka menganggapnya bertentangan dengan ajaran Injil.⁵⁶ Sementara itu teori Galilei (1554-1642) yang mengambil alih teori Copernicus telah menyebabkan beliau menerima ancaman bunuh.⁵⁷

Sebenarnya penemuan bidang-bidang baru ini seperti bidang perubatan, matematik, astronomi, kimia dan lain-lain mendapat bantahan dan ancaman keras daripada pihak gereja. Ini kerana kesemua ilmu ini adalah diperolehi daripada universiti-universiti Islam di Sepanyol. Pihak gereja bimbang berlakunya perkembangan tamadun Islam di Eropah sekaligus memadamkan penguasaan mereka ke atas kehidupan masyarakat Kristian. Oleh sebab itu gereja mula menentang habis-habisan pencerokaan baru ini. Mahkamah Eropah pernah menjatuhkan hukuman mati ke atas 340,000 orang ilmuwan Barat dan membakar hidup-hidup 32,000 orang lagi.⁵⁸

Sikap gereja menyebabkan masyarakat Kristian semakin benci dan mulai menentang kuasa gereja serta memisahkan dunia mereka daripada pengaruh gereja.

⁵⁵ *Ibid.*, hal. 135.

⁵⁶ Rumusan Copernicus sangat penting dari segi kemajuan sains kerana pertamanya; ia membuktikan bahawa satu pendapat lama yang sekian lama dianggap utama ternyata salah dan inilah permulaan penolakan terhadap ilmu yang berdasarkan pendapat lama dan kepercayaan agama yang masyhur secara besar-besaran; keduanya ia menggalakkan sarjana-sarjana membuat penyelidikan dan ukuran sendiri tentang alam dan membuat rumusan baru. *Ibid.*, hal. 157.

⁵⁷ Haron Din, *op.cit.*, hal. 287.

⁵⁸ Sulaiman Noordin, *op.cit.*, hal. 24. Sebenarnya permusuhan gereja terhadap ilmu yang didapati daripada Sepanyol adalah di atas asas agama kerana pada masa itu pihak gereja sedang ghairah melancarkan kempen Perang Salib ke atas dunia Islam.

3.2.5 Pengaruh Ilmu Falsafah Moden

Penglibatan para paderi dan pendita Kristian di dalam bidang falsafah telah menimbulkan perasaan kurang minat mereka kepada urusan agama di gereja atau di biara mereka sendiri. Ini kerana mereka lebih tertarik kepada falsafah dan pemikiran moden. Sebagai contoh, seorang pentafsir berbangsa Itali, Gordano Burno (m. 1642) telah melarikan diri daripada kehidupan di gereja.⁵⁹

Pada mulanya Burno adalah seorang rahib Dominika tetapi setelah lari, beliau mencari perlindungan di negeri-negeri radikal intelek. Di sana beliau menghina agamanya sendiri dan berpendapat agama adalah bersifat kemanusiaan manakala mukjizat pula dilihat sebagai satu muslihat sihir semata-mata.⁶⁰

3.2.6 Pengaruh Kapitalisme.

Kapitalisme⁶¹ yang sebelum ini tidak ada di dalam kehidupan masyarakat Eropah, telah mempengaruhi kehidupan mereka.

Fahaman baru ini mempengaruhi masyarakat gereja apabila mereka mula menyelewengkan penggunaan wang dan kekayaan gereja. Golongan ini mendakwa bahawa kekayaan gereja hendaklah digunakan untuk mendapat keuntungan tanpa mempedulikan kedudukan maruah agama mereka. Bahkan segala tanggungjawab agama telah dilupai oleh sebahagian daripada mereka. Sikap tamakkan harta adalah satu lagi

⁵⁹ Carlton, *op.cit.*, hal. 145.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Kapitalisme adalah sistem ekonomi dan politik yang pemilikan harta benda, industri dan perniagaannya lebih banyak tertumpu pada sektor swasta daripada kerajaan dan syarikat-syarikat digalakkan bersaing di antara satu sama lain untuk mengejar keuntungan. Lihat Kamus Dewan, *op.cit.*, hal. 575.

manifestasi daripada fahaman sekularisme yang meruntuhkan imej gereja sebagai satu institusi agama Kristian yang sangat dihormati pada abad-abad sebelum abad ke-16.⁶²

Akhirnya sebelum abad ke-19, pihak gereja tidak lagi berhak untuk campurtangan dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan ilmu pengetahuan. Pada abad ke-20 pula keadaan menjadi semakin ketara. Banyak bidang kehidupan terlepas bebas daripada kawalan gereja seperti universiti, hospital, perkhidmatan sosial dan sebagainya sehingga akhirnya agama Kristian hanya terbatas kepada kegiatan-kegiatan dalam gereja dan amalan individu sahaja.⁶³

Perkembangan-perkembangan yang berlaku ini (terutama pada abad ke-16) telah membentuk suasana baru di dunia Eropah sehingga lahirnya golongan pemikir yang akhirnya membentuk gagasan pemikiran baru iaitu sekularisme. Fahaman ini semakin ketara apabila berlaku pertentangan di antara amalan dan pegangan agama (Kristian) dengan teori serta ilmu-ilmu baru yang jelas bercanggah dengan anutan dan ajaran Injil itu sendiri.

Ketika itu juga seruan reformasi⁶⁴ semakin nyaring seiring dengan kemunculan tokoh-tokoh utamanya seperti Martin Luther (1483-1546), John Calvin (1509-1564) dan Henry VIII (1509-1547) dari England. Sebenarnya mereka tidak bertujuan untuk mengadakan revolusi pembaharuan, sebaliknya mereka hanya ingin kembali kepada pendirian gereja lama yang sebenar.⁶⁵

⁶²Sulaiman Noordin, *op.cit.*, hal. 24.

⁶³*Ibid.*

⁶⁴Gerakan reformasi adalah gerakan agama yang mengambil tempat pada dekad kedua dan ketiga abad ke-16. Ia dikatakan sebagai suatu revolusi intelek, sosial dan ekonomi. Ia juga adalah revolusi agama abad ke-16 yang membahagikan dunia Kristian kepada dua blok; Katholik dan Protestan.

⁶⁵Sivachandralingam Sundara Raja, *op.cit.*, hal. 141.

3.3 Perlaksanaan Sekularisme Di Barat

Kelahiran sekularisme di Barat adalah bertepatan dengan dasar agama Kristian itu sendiri yang tidak mempunyai suatu asas yang kukuh sehingga menjadikannya sentiasa berubah-ubah. Perlaksanaan dasar-dasar sekularisme di Barat bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana situasinya yang membuka ruang kepada penyelewengan serta corak kehidupan masyarakatnya yang sentiasa mengarah ke arah itu.

Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan⁶⁶ menjelaskan di dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Islam dan Cabaran Zaman Moden" :

*"... bahawa sekularisme wujud di Barat sebagai suatu 'western solution' atau 'way-out' (penyelesaian) kepada masalah khas dalam sejarah dan kebudayaan Barat. Ia merupakan ubat yang sewajarnya kepada penyakit sosio-budaya Eropah dan ubat itu sekarang sudah boleh diterima oleh golongan agama dengan trend-trend 'Sosial Gospel', 'Secular Christianity', 'Religiousless Christianity', 'Socialist Christianity', 'Humanist Christianity' dan 'Death of God Theology'. Semua ini merupakan akomodasi (penyesuaian) teologi Kristian dengan Sekularisme..."*⁶⁷

Pemikiran ini mengambil tempat di dalam dunia Eropah setelah berlakunya pergolakan hebat di antara golongan gereja dan golongan pemikir baru di dalam bidang ilmu pengetahuan. Malah alam baru ini telah menguasai golongan gereja sehingga berlaku pelbagai penyelewengan. Akhirnya masyarakat tidak lagi menaruh kepercayaan kepada golongan tersebut.

Di dunia Barat, fahaman sekularisme berkembang menerusi 2 peringkat iaitu :

⁶⁶ Beliau kini adalah Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

⁶⁷ Mohd Kamal Hassan dalam kertas kerjanya, *Islam dan Cabaran-Cabaran Zaman Moden*, disampaikan di Muktamar Ulama Malaysia pada 4-6hb. Ogos 1976.

i. Peringkat Sekularisme Modern

Peringkat ini disebut sebagai peringkat sederhana (berlaku pada abad 16-17 Masihi). Di dalam peringkat ini, iaitu peringkat awal kemunculan sekularisme, agama dianggap sebagai persoalan peribadi yang tiada hubungan langsung dengan negara. Masyarakat menganggap negara dan gereja adalah dua kuasa yang berasingan. Pada peringkat ini juga lahir aliran 'Deism' iaitu satu aliran yang mengiktiraf Allah 'Ta'āla sebagai pencipta alam tetapi mereka mengingkari mukjizat, wahyu dan kuasa Allah 'Ta'āla kepada alam. Di antara pengikut aliran ini yang terkenal ialah:

- a. Voltaire di Perancis (1694-1778)
- b. Shaftesbury di England (1671-1713)
- c. Lessing di Jerman (1729-1781).

Selain itu, tokoh-tokoh sekularisme yang terkenal di sepanjang peringkat ini ialah seperti John Locke (1632-1704), Leibniz (1648-1766), Thomas Hobbes (1588-1676), David Hume (1711-1778) dan Jean Jacques Rousseau (1712-1778).⁶⁸

ii. Peringkat Sekularisme Ekstrem (abad 19-20 Masihi)

Peringkat ini dinamakan peringkat sekularisme ekstrem kerana masyarakat ketika itu telah dibentuk dengan aliran Historis-Materialisme. Penganut sekularisme pada masa ini membenci agama dan berusaha untuk menghapuskannya sehingga ke akar umbi. Justeru itu ada di kalangan para pengkaji yang memanggil peringkat ini sebagai Peringkat Pemberontakan Sekularisme.⁶⁹

Tokoh-tokoh yang terkenal di sepanjang peringkat ini ialah seperti Feurbach (1804-1872), Karl Marx (1818-1883) dan Lenin (1870-1924) iaitu orang yang menghapuskan agama Kristian di Rusia dan menggantikannya dengan *Bolchevisme*.

⁶⁸ Shamad Hamid, *op.cit.*, hal. 64.

⁶⁹ *Ibid*, hal. 68.

Walaupun Itali menjadi tempat lahir idea sekularisme ini, namun fahaman ini turut berkembang di Perancis, Jerman dan Britain dengan lahirnya tokoh-tokoh pemikir dan ahli-ahli falsafah yang telah mengemukakan pelbagai teori terhadap hubungan agama dengan alam, agama dengan ilmu sehingga kepada teori kewujudan Tuhan sendiri.⁷⁰

4.0 SEKULARISME DI NEGARA-NEGARA ISLAM.

Setelah sekularisme berjaya menapak di Eropah, ia mula menjalar masuk ke dalam negara-negara umat Islam terutama menerusi gerakan imperialisme yang telah dilancarkan oleh Barat ke atas dunia Islam. Pengaruh fahaman ini menjadi semakin kuat dan penyebarannya menjadi semakin rancak di dalam negara-negara yang dapat dikuasai oleh Barat. Pelbagai strategi dan taktik telah dirancang untuk mencapai cita-cita besar mereka iaitu untuk mengasimilasikan fahaman ini dengan pemikiran masyarakat tempatan.

Terdapat beberapa faktor utama kemasukan fahaman sekularisme ke dalam masyarakat Islam.

4.1 Faktor-Faktor Kemasukan Sekularisme Ke Dalam Masyarakat Islam.

Kemasukan fahaman sekularisme ke dalam masyarakat Islam disebabkan beberapa faktor, di antaranya ada yang dirancang dan ada pula yang tidak dirancang.

Faktor-faktor tersebut ialah:

⁷⁰ *Ibid.*

4.1.1 Penjajahan Negara Umat Islam Oleh Barat

Faktor utama kemasukan sekularisme ke negara-negara umat Islam ialah melalui penjajahan Barat seperti Itali, Belanda, Portugis, Sepanyol, Perancis dan Inggeris; kesemuanya menyatakan sikap pemusuhan dengan Islam menerusi siri Peperangan Salib ke atas dunia Islam.⁷¹

Sekitar abad ke-19, Barat berjaya menjajah hampir keseluruhan dunia Islam seperti Perancis yang menjajah Algeria (1830), Tunisia (1881), Morocco (1920) dan beberapa buah negeri lain di Timur Tengah seperti Syria. Inggeris pula menjajah India dan Pakistan (1857), Mesir (1882) serta Tanah Melayu (1874).⁷²

Penjajah Barat berjaya memesonng pemikiran umat Islam daripada kejernihan ajaran Islam yang syumul serta menanam suatu gaya pemikiran baru di kalangan mereka; pemikiran Barat yang jauh daripada kebenaran Islam iaitu Islam hanyalah agama bukan negara.⁷³ Akhirnya umat Islam membiarkan negara mereka dipengaruhi oleh fahaman sekularisme.

4.1.2 Kebangkitan Eropah Bersama Sekularisme

Eropah berjaya bangkit daripada zaman kemundurannya sehingga berjaya mencipta satu tamadun yang unggul dengan menggunakan acuan yang tersendiri. Acuan itu adalah sekularisme. Fenomena ini membayangkan kepada masyarakat luar bahawa untuk menempuh suatu ketamadunan dan kemajuan mereka perlu terlebih dahulu

⁷¹Perang Salib ialah siri peperangan oleh masyarakat Kristian Eropah Barat atas arahan Paus untuk mendapatkan semula tanah suci di Jerusalem dari tangan orang-orang Islam. Ia bermula pada tahun 1095 sehingga penghujung abad ke-13. Ia berlangsung sebanyak lapan kali. Faktor semerta kepada peperangan ini ialah gangguan terhadap pergerakan mubaligh-mubaligh Kristian ke pusat agama mereka di Jerusalem (bandar purba Palestin) disebabkan oleh kemaraan puak Turki Seljuk pada abad ke-11. Lihat: Sivachandralingam Sundara Raja, *op.cit.*, hal. 87.

⁷²Ali Jarīsyah, Dr., (1986), *Al-Ittijāh al-Fikriyyah al-Mu'āsirah*, Mesir: Dar al-Wafa', hal. 40.

⁷³Yusuf al-Qaraḍāwī, (1997), *Min Fiqhi al-Daulah Fī al-Islām*, Qaherah: Dar al-Syurūq, hal. 13.

menerima pakai sistem sekular dan melontar ajaran agama jauh daripada kehidupan mereka kerana kononnya agamalah yang dikenalpasti sebagai punca kemunduran mereka.⁷⁴

4.1.3 Kemunduran Negara-Negara Islam.

Sebahagian pengkaji sejarah dunia Islam menyatakan bahawa kemunduran dunia Islam juga disebabkan penutupan pintu ijtihad oleh ulama-ulama Islam yang menyebabkan umat Islam semakin jauh daripada sumber-sumber tulen Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Malah mereka juga mengalami kemunduran dalam bidang tamadun dan kebendaan. Pada masa yang sama ramai pemerintah Islam menyelseweng daripada agama mereka serta tunduk kepada kebuasan hawa nafsu dan keduniaan.⁷⁵

Oleh kerana itu, apabila ada kemunduran di satu pihak (dunia Islam) dan kemajuan di satu pihak lain (dunia Barat) maka yang maju akan berjaya menguasai yang mundur malah berjaya menyerapkan pemikiran mereka ke dalam masyarakat yang mundur tadi.⁷⁶

4.1.4 Kejatuhan Sistem Khalifah Menerusi Penjajahan

Pihak penjajah yang berjaya menguasai kawasan dan negeri-negeri umat Islam telah memutuskan kawasan itu daripada sistem khalifah. Hal ini berterusan sehingga runtuhnya sistem khalifah Islam yang terakhir di Turki pada tahun 1924. Dengan itu

⁷⁴ Ali Jarisyah, Dr., (1986), *Ibid*, hal. 78.

⁷⁵ *Ibid*.

⁷⁶ *Ibid*.

masyarakat terdedah kepada serangan asing sama ada yang berbentuk fizikal mahupun psikologi.⁷⁷

Mustaffa Kamal Atatürk telah menconteng sejarah keagungan *Khilafah Islamiyyah* di Turki setelah beliau menjadi penyebab kepada penghapusan Sistem Khilafah di Turki. Dalam satu ucapan yang berani beliau mendakwa bahawa Islam itu adalah Arab dan pandangannya juga bersifat Arab. Ia telah mengatur kehidupan manusia dari mula lahir sehingga mati. Islam telah membelenggu fikiran pemeluknya serta menekan jiwa dinamis dan semangat perjuangan. Oleh kerana itu selagi Islam menjadi agama rasmi negara maka selagi itulah negara berada di dalam keadaan bahaya.⁷⁸

4.1.5 Kelemahan Psikologi Umat Islam

Kekalahan demi kekalahan yang menimpa pihak Islam di medan perang mula menimbul barah dan kesan buruk di dalam jiwa mereka. Mereka mulai menerima konflik rendah jiwa (*inferiority complex*) dan mulai mengkagumi kekuatan musuh. Perasaan ini semakin ketara apabila umat Islam membandingkan ketinggian dan ketamadunan yang semakin dicapai oleh musuh mereka terutama selepas mereka melepaskan diri daripada ajaran agama. Hal ini mulai mempengaruhi jiwa umat Islam.⁷⁹

4.0.0 Serangan Pemikiran (الغزو الفكري)

Serangan ini lebih merbahaya daripada kekuatan persenjataan atau kekuatan fizikal. Ia berlaku dalam beberapa peringkat iaitu:

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Al-Nadwi, Abu Hassan Ali, (1968), *Al-Sira' Baina al-Fikrah al-Gharbiyyah fi Aqtar al-Islam*, cet. 2, Kuwait: al-Dar al-Kuwaitiyyah, hal. 61.

⁷⁹ Ali Jarisyah, *op.cit.*, hal. 79.

- i. Peringkat percubaan untuk mengkristiankan umat Islam.
- ii. Peringkat memurtadkan umat Islam tanpa memasukkan mereka ke dalam Kristian.
- iii. Peringkat menjaubkan umat Islam dari agama mereka dengan cara mengelirukan mereka dengan istilah-istilah yang menarik dan menyakinkan mereka seperti pembaratan, modenisasi, pembaharuan, pembangunan dan perubahan masyarakat. Jalan ini lebih memudahkan sekularisme masuk menyelinap ke dalam masyarakat.⁸⁰

4.2 Saluran Pemindahan Sekularisme

Di antara saluran-saluran yang digunakan oleh fahaman ini untuk menyelinap masuk ke dalam masyarakat Islam ialah seperti berikut :

4.2.1 Orientalis

Gerakan orientalisme (al-Istisyrāq) adalah suatu gerakan yang dihubungkan dengan pengkajian ilmu Timur (Islam) sama ada dalam bidang bahasa, sastera, sejarah, akidah, syariah dan tamadun.⁸¹ Gerakan ini dikatakan bermula pada kurun ke-11 Masihi. Kemunculannya dirangsang oleh permusuhan pihak Kristian dengan Islam sehingga tercetusnya siri peperangan salib.

Oleh kerana itu, tujuan agama adalah matlamat utama di sebalik kelahiran orientalisme yang cuba untuk merealisasikan tiga perkara penting iaitu:

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ Mahmud Hamdi Zaqzuq, Dr., (1983), *Al-Istisyrāq wa al-Khalfiyyah II al-Sirā' al-Haqā'iri*, al-Daūbah: Riāṣah al-Mahākim al-Syar'iyah wa al-Syu'ūn al-Dīniyyah fī Daulah Qatr, hal. 2. Lihat juga: A. Muin Umar, Dr., (1978), *Orientalisme Dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, hal. 1.

- i. Memerangi Islam dengan cara mencari titik kelemahannya kemudian memperbesar-besarkan kelemahan itu sambil mendakwa bahawa ajaran Islam diciplak daripada Kristian dan Yahudi di samping memperlekehkan nilainya, memperendahkan kedudukan nabinya dan lain-lain.
- ii. Menjaga kepentingan Kristian daripada ancaman Islam dengan cara menutup kebenaran Islam, mengenal pasti kelemahan yang dapat digunakan ke atas Islam serta mengingatkan manusia akan bahayanya menerima Islam.
- iii. Menyebarkan Kristian serta memurtadkan orang-orang Islam.⁸²

Oleh kerana itu penyebaran fahaman sekularisme turut menjadi agenda penting golongan orientalis. Di antara cara yang digunakan oleh para orientalis ini ialah menulis rencana dan tulisan yang menarik dengan menggunakan gaya bahasa yang ilmiah meskipun kandungan tulisan mereka hanyalah suatu pembohongan dan pendustaan yang nyata.⁸³

4.2.2 Mubaligh Kristian

Golongan pendakwah Kristian juga memainkan peranan penting untuk menyebarkan fahaman sekularisme. Mereka memasukkan fahaman ini melalui tulisan-tulisan, lakonan-lakonan filem dan drama. Seterusnya mereka mendirikan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa asing. Akhirnya keseluruhan sistem pembelajaran kebangsaan dipengaruhi dengan ajaran sekularisme.⁸⁴

⁸² Mahmud Hamdi Zaqzuq, *ibid*, hal. 45-46.

⁸³ Ali Jarisyah, *op.cit*, hal. 80.

⁸⁴ *Ibid*.

Di Tanah Melayu, golongan ini mulai tiba bersama dengan angkatan perang Portugis pada tahun 1511 untuk menyerang Melaka.⁸⁵ Setelah Melaka ditakluki, kumpulan ini tinggal di Melaka dan bertanggungjawab menjaga gereja yang telah dibina oleh panglima perang Portugis, Albuquerque di samping mentadbir hal ehwal askar-askar Portugis di Melaka apabila Albuquerque belayar ke Goa pada 1 Dis. 1511.⁸⁶

Pengaruh Kristian semakin kuat dengan ketibaan St. Francis Xavier, seorang tokoh Kristian Portugis yang terkenal dalam sejarah perkembangan agama Kristian di Asia pada abad ke-16M.⁸⁷ St. Francis telah membuka sebuah sekolah di Melaka.⁸⁸

Oleh kerana itu, kita dapati kedatangan mubaligh-mubaligh Kristian ke satu-satu tempat sama ada di Asia, Afrika atau Amerika Latin bukan sekadar berdakwah (evangelistik) menerusi penubuhan gereja-gereja baru sahaja, malah mereka juga membuka sekolah-sekolah di kalangan penduduk tempatan. Hal ini kerana mereka menyedari bidang pendidikan adalah platform sosial yang sangat berkesan dalam menjalankan kerja-kerja *erangelistik*.

4.2.3 Menerusi Anak-Anak Tempatan.

Ini adalah saluran sekularisme yang paling merbahaya di mana anak-anak umat Islam yang menuntut di Barat dan belajar daripada para orientalis Barat telah diperguna dan diperalatkan tanpa mereka sedari. Orientalis-orientalis ini cuba memprogramkan

⁸⁵Terdapat lapan orang mubaligh Kristian Katolik (Chaplains) di dalam angkatan perang ini. Lihat: Felix George Lee, (1963), *The Catholic Church In Malaya*, Singapore: Donald Moore For Eastern Universities Press Ltd., hal. 35.

⁸⁶*Ibid*, hal. 36.

⁸⁷Chris D. Thomas, (1978), *Diaspore Indians: Church Growth Among Indians In West Malaysia*, Penang: Malaysia Indian Evangelism Council, hal. 31.

⁸⁸Fr. Manuel Teixeira, (1961), *The Portuguese Missions In Malacca And Singapore*, vol. 1, Lisboa: Agencia Geral Do Ultramar, hal. 98.

mereka dengan program-program sekular yang bercanggah sama sekali dengan amalan hidup beragama mereka.

Akhirnya dengan pemikiran yang telah disalut dengan fahaman sekularisme, mereka pulang ke tanahair dan memangku jawatan-jawatan penting di dalam masyarakat. Ketika inilah mereka akan melaksanakan keputusan yang secocok dengan impian golongan sekular sendiri.⁸⁹

Di samping itu, sejarah hitam umat Islam di Turki menunjukkan bahawa sebelum pihak Barat menyerahkan Turki kepada pemerintahan anak bangsa sendiri, mereka telah meletakkan beberapa syarat iaitu:

- i. Menghapuskan sistem *Khilāfah Islāmiyyah* serta mengusir khalifah terakhir daripada Turki dengan harta-hartanya.
- ii. Pengganti itu mesti berjanji untuk menghapuskan semua gerakan atau kumpulan Islam yang ingin menegakkan kembali sistem khilafah.
- iii. Turki mesti memutuskan segala hubungannya dengan Islam.
- iv. Turki mesti menerima pakai Perlembagaan Sivil sebagai ganti kepada Perlembagaan Islam.⁹⁰

Kesemua syarat ini telah dilaksanakan dengan jaya oleh anak-anak tempatan yang mewarisi fahaman sekularisme.

Hasil daripada perancangan yang begitu teliti dan halus, banyak negara umat Islam telah berjaya dijajah pemikiran mereka dan akur kepada kehendak fahaman sekularisme. Namun mutakhir ini, hasil daripada kesedaran yang mulai membunga dan kian mekar, anak-anak umat Islam mulai menyuarakan bantahan dan penentangan mereka terhadap pemimpin-pemimpin yang dikongkong oleh fahaman tersebut.

⁸⁹ Ali Jarīsyah, *op.cit.*, hal. 80.

⁹⁰ Abdul Wadūd Yusuf, (1994), *Qāḍah al-Gharab Yaqūlūn: Dammirū al-Islām Abālu Ahlahu*, Dār al-Salām, hal. 45-46.

Malangnya penentangan yang dilakukan tidak banyak membuahkan hasil. Masyarakat Islam di kebanyakan negara masih lagi dipengaruhi oleh para pemimpin yang telah dididik secara langsung untuk meneruskan kesinambungan fahaman sekularisme di negara-negara umat Islam.

Di samping itu seorang sarjana Islam, Ahmad Salam di dalam kitabnya *Mā Ana 'Alaihi wa Ashābī*, menulis bahawa terdapat tiga institusi utama yang membantu proses penycrapan fahaman sekularisme ke dalam negara-negara umat Islam iaitu⁹¹:

- i. Pusat-pusat pendidikan dan kolej-kolej yang didirikan oleh Kristian. Pusat-pusat ini mengajar masyarakat tempatan supaya menerima cara hidup Barat serta menyebarkan budaya hidup bebas di kalangan mereka.
- ii. Perlembagaan negara yang diimport dari Barat. Perlembagaan ini digubal di atas slogan reformasi, kemerdekaan, persaudaraan dan persamaan hak.
- iii. Parti-parti politik yang ditubuh oleh penjajah. Parti-parti inilah yang akhirnya memperjuangkan sistem sekular dan penghapusan sistem Islam daripada pemerintahan.

4.3 Dua Buah Negara Umat Islam Yang Utama

Berikut adalah dua buah negara utama umat Islam yang pernah menjadi kemegahan kepada umat Islam disebabkan kegemilangan pemerintahan Islam dan ketamadunannya yang tinggi. Malangnya 'panas tidak sampai ke petang' kerana pada akhirnya dua buah negara tersebut berjaya diresapi dan dipengaruhi oleh fahaman sekularisme. Negara-negara yang dimaksudkan ini ialah:

⁹¹ Ahmad Salam, (1996), *Mā Ana 'Alaihi wa Ashābī*, cet. 2, Beirut: Dār Ibn Hāzm, hal. 26-27.

4.3.1 Turki

Turki menjadi negara pertama umat Islam yang mengamalkan dasar sekularisme secara jelas di dalam pemerintahannya.⁹² Orang yang dikaitkan dengan pembentukan negara sekular Turki ialah Mustaffa Kemal Atatuk (1881-1938) atau nama sebenarnya Mustaffa Kemal Pasya bin Ali bin Redha Beck.⁹³

Sebelum itu, Mustaffa adalah pemimpin yang banyak membawa perubahan kepada Turki. Dia sendiri pernah menggabungkan diri di dalam satu pertubuhan yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Persatuan dan Kemajuan atau *The Committee of Union and Progress* (CUP) bersama-sama dengan tokoh-tokoh lain seperti Anwar (Enver) Pasya, Tal'at Pasya, Jemal Pasya dan Halide Edib.⁹⁴ Pertubuhan ini dipercayai menjadi agen kepada gerakan Freemason di Turki.⁹⁵

Pada tahun 1912, persatuan ini berjaya memenangi pemilihan untuk memegang pemerintahan Turki daripada tangan Sultan Muhammad ke-V. Semenjak pemerintahan beralih ke tangan kumpulan ini, Turki mulai mengalami perubahan besar terutama dari segi kebudayaan dan ia disempurnakan lagi oleh Mustaffa Kemal apabila dia dilantik menjadi ketua negara.

Di samping nama-nama yang disebutkan di atas, ada seorang lagi tokoh yang memainkan peranan besar ke arah mensekularkan Turki iaitu Ziya Gokalp. Malah Ziya pernah mengemukakan beberapa langkah tertentu sebagaimana yang pernah diakui oleh beliau sendiri :

⁹²Che Yusuf Che Mamat, *op.cit.*, hal. 45.

⁹³Al-Nadwi, Abu Hassan Ali, (1968), *op.cit.*, hal. 54.

⁹⁴Abdul Rahman Haji Abdullah, (1987), *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur: DBP, hal. 74.

⁹⁵*Ibid.*

"satu-satunya jalan untuk menandingi kekuatan ketenteraan, sains atau industri Eropah ialah dengan menerima pakai ketamadunan Barat secara sepenuhnya".⁹⁶

Seterusnya teori ini dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh Mustaffa setelah beliau dilantik menjadi presiden pertama Turki dan selepas sahaja Turki diisytiharkan sebagai sebuah negara Republik pada 29 Okt. 1923. Pada masa itu Mustaffa digelar dengan Kemal Atatürk.⁹⁷ Selepas itu, bermulalah siri-siri pemusnahan terhadap agama dan penggantian dengan sistem sekularisme dan nasionalisme. Sebenarnya inilah tujuan asal Mustaffa kerana sejak awal lagi dia telah memusuhi Islam dan berusaha untuk membanteras semua syiar Islam sehingga ke akar umbi.

Prinsip sekularisme adalah di antara perkara-perkara penting yang dimasukkan di dalam Manifesto Rejim Kemalisme di samping lima prinsip lain iaitu republikanisme, nasionalisme, populisme, etatisme dan revolusionisme.⁹⁸ Prinsip-prinsip ini kemudiannya menjadi dasar perjuangan Parti Republikan Rakyat (PRR) yang diasas sendiri oleh Mustaffa Kemal.

Dalam usaha mewujudkan sebuah negara sekular, pelbagai perubahan besar telah dilakukan oleh Mustaffa, di antaranya ialah :

- i. Pada 3 Mac 1924, Majlis Nasional Agung telah meluluskan penghapusan sistem khalifah.⁹⁹ Langkah ini dilakukan oleh Mustaffa dengan alasan untuk mengelakkan serangan Barat terhadap Turki kerana selagi mana berdirinya institusi khalifah, pihak Barat akan sentiasa curiga dan prejudis terhadapnya kerana bagi mereka institusi inilah yang menjadi faktor utama membangkit dan menyatukan kekuatan umat Islam. Sidang tersebut turut

⁹⁶Lihat Ziya Gokalp, (1959), *Turkish Nationalism and Western Civilization*, London: George Allen and Union Ltd, hal. 276.

⁹⁷Muhammad Dimiyati, (t.t), *Sejarah Pergolakan Di Timur Tengah dan Timur Jauh*, t. pt., hal. 27.

⁹⁸Muhammad Quth DKK, (1986), *Ancaman Sekularisme: Sebuah Perbincangan Kritis Dari Kasus Turki*, Salahuddin Press, hal. 143.

⁹⁹*Ibid.*

- meluluskan penghapusan Kementerian Syariah dan Wakaf serta jawatan *Syeikh al-Islām*.¹⁰⁰
- ii. Menggantikan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil dan meluluskan *Turkish Civil Code*.¹⁰¹ Dengan ini undang-undang Swiss akan dipakai sebagai perundangan di dalam urusan pemerintahan dan perkahwinan. Manakala dalam persoalan jenayah, undang-undang Itali menjadi rujukan dan dalam urusan perdagangan digunakan undang-undang Jerman. Sistem poligami yang terdapat di dalam Islam telah dihapuskan malah lebih jauh daripada itu, wanita Islam dibenarkan berkahwin dengan lelaki kafir.¹⁰²
 - iii. Jumlah masjid dihadkan dan kawasannya tidak melebihi 500 meter persegi. Khatib hanya dibenarkan menyampaikan khutbah di dalam perkara-perkara pertanian dan perdagangan sahaja. Masjid Aya Sophia di Istanbul telah ditukarkan menjadi muzium manakala Masjid al-Fatih dijadikan gudang.
 - iv. Pada 2 September 1925, dikeluarkan pula peraturan berpakaian. Orang awam yang bukan pegawai agama dilarang memakai pakaian agama bahkan mereka diwajibkan memakai topi dan pakaian Barat. Dalam bulan November 1925 pula, pemakaian tarbus atau songkok telah diwartakan sebagai suatu jenayah. Pada masa itu terjadi suatu peperangan yang dinamakan 'The Battle of Hats'.¹⁰³
 - v. Dalam bidang pendidikan pula, bahasa dan tulisan Arab telah digantikan dengan bahasa dan tulisan Turki. Begitu juga azan telah ditukarkan kepada Bahasa Turki.¹⁰⁴

¹⁰⁰ Lothrop Stoddard, (1981), *Ḥādīrī al-‘Ālam al-Islāmī*, (diArabkan oleh Prof. ‘Ujaj Nuwaihīd), jil. 2, juz. 3, cet. 3, Dar al-Fikr, hal. 351.

¹⁰¹ Civil Code ini diperkenalkan oleh Menteri Kehakiman, Muhammad Essed Bey. Undang-undang ini dibawa khas daripada Switzerland dan mengandungi 1800 artikel.

¹⁰² Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hal. 97.

¹⁰³ David Kusber, (1977), *The Rise of Turkish Nationalism 1876-1908*, London: Frank Lassa and Company, hal. 107.

¹⁰⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hal. 97.

Menteri Dalam Negeri Turki pada tahun 1937M telah berkata: *"Dengan sekularisme kita telah membuat kepastian bahawa agama Islam tidak mempengaruhi urusan negara, biarlah agama tinggal di masjid-masjid dan di tempat ibadah sabaja. Biarlah ia tidak keluar dari dunianya".*¹⁰⁵

Kesimpulannya, sekularisme di Turki mulai berkembang setelah jatuhnya institusi khalifah dan lemahnya umat Islam sehingga mereka tidak dapat mengatasi perubahan yang dibawa oleh Kemal Ataturk. Memang layak gelaran 'Bapa Sekularisme Turki' dianugerahkan kepada Kemal kerana perubahan yang telah dilakukannya secara drastik sehingga menukarkan sistem khalifah Turki kepada sistem sekular yang pertama di dunia secara rasmi.

4.3.2 Mesir.

Sekularisme mengambil tempat di Mesir bersama dengan pendudukan Perancis di situ apabila Napoleon Bonaparte (1769-1821) menakluki Mesir pada tahun 1798.¹⁰⁶ Napoleon menjajah Mesir dengan membawa masuk bersama-samanya 167 orang sarjana dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Mencrusi Institute d'Egypte yang didirikannya, orang-orang Mesir diperkenalkan dengan tamadun Barat.¹⁰⁷

Selain daripada itu konsep-konsep modenisme yang dihasilkan oleh Revolusi Perancis seperti sistem republik, nasionalisme dan lain-lainnya mula memberi kesan kepada masyarakat Mesir. Ditambah dengan perancangan yang penuh teliti oleh Napoleon sendiri yang merupakan salah seorang anggota Freemason tulen. Kerana itu komplot ke atas Mesir sebenarnya adalah perencanaan jahat Freemasonry sendiri.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Maryam Jameelah, (1976), *Islam and Western Society*, Lahore, hal. 62.

¹⁰⁶ Al-Sayyid Ahmad Faraj, (1993), *Juz'ur al-'Almāniyyah*, Dar al-Wafa', hal. 17.

¹⁰⁷ Abd Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hal. 98.

¹⁰⁸ *Ibid.*

Berkenaan dengan perancangan jahat yang disusun sedemikian rupa, Lord Cromer yang pernah menjadi Gabenor Jeneral di Mesir daripada tahun 1883 hingga 1902, yang juga salah seorang perancang utama kepada dasar imperialisme British ke atas dunia Islam secara umumnya pernah berkata:¹⁰⁹

“Tiada sesuatu yang lebih kurang daripada ini; iaitu generasi baru orang-orang Mesir didesak malah dipaksa untuk menerima semangat sebenar ketamadunan Barat”

Seterusnya selepas penjajahan Perancis, Mesir berada di bawah pemerintahan Muhammad Ali (1796-1849), seorang panglima tentera Kerajaan Uthmaniah. Dalam tahun 1805, Muhammad melantik dirinya sendiri sebagai Pasya baru dengan diakui oleh Kerajaan Uthmaniah. Semasa pemerintahan beliau, Mesir sekali lagi didesak membuat perubahan dengan menerima pengaruh Barat yang dibawa oleh Perancis. Malah Muhammad Ali mula membawa masuk guru-guru daripada Eropah selain daripada menghantar rombongan-rombongan pelajar ke Eropah seperti ke England, Perancis, Itali dan Austria.¹¹⁰

Dengan usaha ini tamadun Barat semakin berkembang di Mesir dan masyarakat tempatan semakin mengagung dan menggilai tamadun dan kebudayaan Eropah ini. Pada masa inilah bermulanya proses asimilasi sekularisme di Mesir. Seorang pengkaji Barat, Daniel Crecelius di dalam rencananya; *The Course of Secularization in Modern Egypt* menulis bahawa sekularisme di Mesir bermula pada masa pemerintahan Muhammad Ali.¹¹¹

Ternyata Mesir begitu mundur semasa berada di bawah pemerintahan Uthmaniyyah Turki dan pemerintahan beraja. Bermula zaman penjajahan Perancis sehingga pemerintahan Muhammad Ali, perubahan ketara mulai berlaku¹¹². Namun proses kemajuan dan ketamadunan yang berlaku pada masa itu bukan dibina di atas dasar

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Daniel Crecelius, “The Course of Secularization in Modern Egypt” dalam *Islam and Development: Religion and Sociopolitical Change*, John L. Esposito, Syracuse University Press, 1980, hal. 58.

¹¹¹ *Ibid.*, hal. 58.

¹¹² Abu al-Ma’āji Abu al-Futūh, Dr., (1990), *Islam, Politik dan Pemerintahan* (terj.), Shah Alam: HIZBI, hal. 12.

agama, sebaliknya mengikut dan meniru tamadun Barat. Sudah tentu ia gersang daripada roh agama.¹¹³

Salah seorang pelajar yang pernah dihantar belajar di Eropah oleh Muhammad Ali ialah Rifā'ah Baddāwi Rafī' al-Ṭohṭowi. Pada awalnya, al-Ṭohṭowi (1801-1873) menerima pelajaran agama di Azhar, malangnya sekembalinya daripada Paris, beliau bergiat cergas menyebarkan kebudayaan Barat di tengah masyarakat menerusi bidang penulisan dan penterjemahan.¹¹⁴

Saluran yang paling mudah untuk al-Ṭohṭowi menyebarkan pemikiran Baratnya ialah menerusi penulisan di akhbar, majalah dan buku-buku. Di sini beliau banyak mengenengahkan konsep-konsep politik Barat seperti sistem demokrasi, aritokrasi, monarki dan juga pemerintahan serta perlembagaan Perancis yang didasarkan kepada sistem kerakyatan. Selain itu, al-Ṭohṭowi juga dikenali di dalam sejarah sekularisme Mesir kerana gagasan 'emansipasi wanita' (تحرير المرأة) yang diperkenalkannya.¹¹⁵

Selain daripada al-Ṭohṭowi, tokoh-tokoh lain yang banyak memainkan peranan ke arah sekularisasi masyarakat Islam Mesir ialah seperti Qassim Amin, Dr. Ṭaha Husain dan Syaikh Ali Abdul Rāziq¹¹⁶. Qassim Amin (1865-1908) yang mempelajari undang-undang di Universiti Montbelieh, Perancis turut memperjuangkan emansipasi wanita. Menerusi bukunya; *Tahrir al-Mar'ah* dan *al-Mar'ah al-Jadidah*, dia menyeru umat Islam umumnya dan golongan wanita khususnya supaya meniru nilai-nilai Barat yang digambarkan sebagai lebih unggul dan lebih sempurna.¹¹⁷

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Manna' Khalil al-Qaṭṭān, Prof., (1998), *Mu'awwiqāt Taḥḥiq al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, (terj. oleh Haji Juanda Haji Jaya), Selangor: Maktabah al-Qaradāwī hal. 75.

¹¹⁵ Ketika di Paris, al-Ṭohṭowi banyak berhubung dengan seorang tokoh orientalisme, Faron De Sacy dan pelbagai faedah telah didapati daripada hubungan ini. Lihat: Mahmud Ḥamdī Zaqqūq, Dr., *op.cit.*, hal. 18.

¹¹⁶ Beliau dikatakan turut membantu Kemal Atatürk menghapuskan pemerintahan *Khilāfah Islāmiyyah* Turki. Lihat: Abu al-Ma'atī Abu al-Futūh, *op.cit.*, hal. 21.

¹¹⁷ Manna' Khalil al-Qaṭṭān, *op.cit.*, hal. 85-86.

Dr. Taha Husain pula dikenali kerana tulisannya yang penuh kontroversi. Pada tahun 1926 seorang sarjana Islam, Sayyid Muhammad Rasyid mengecam hebat bukunya yang bertajuk *l'Î Adab al-Jāhili* dan menganggapnya sebagai mengelirukan dan mengancam akidah umat Islam.

Manakala Sycikh Ali Abdul Rāzīk pula menyebut di dalam kitabnya, *al-Islām wa Usūl al-Hukm*.¹¹⁸

*"Sebenarnya Islam tidak mengenali khalifah seperti yang dikatakan oleh orang-orang Islam itu. Khalifah tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan agama. Khalifah dan tugas-tugas pemerintah yang lain tidak ada kaitan dengan agama tetapi ianya semata-mata perancangan politik...Agama tidak melarang orang-orang Islam berlumba-lumba dengan bangsa-bangsa lain dalam menuntut ilmu-ilmu kemasyarakatan dan ilmu-ilmu politik. Agama tidak melarang orang-orang Islam memusnahkan sistem khilafah yang mentadbir mereka dan agama tidak melarang mereka membina sistem pemerintahan mengikut mana-mana sistem pemerintahan yang dianggap paling baik yang telah dibuktikan oleh sejarah pengalaman bangsa-bangsa".*¹¹⁹

Inilah sebahagian daripada tokoh-tokoh sekularisme Barat di Mesir yang telah berjaya menyuburkan ajaran dan fahaman ini ke dalam pemikiran umat Islam selepas pendudukan Perancis. Benarlah seperti yang disuarakan oleh Dr. Ali Jarīshah bahawa di antara saluran paling mudah tetapi penuh bahaya sewaktu menyecrapkan sekularisme ialah menerusi saluran intelektual dan cendekiawan muslim sendiri kerana mereka mudah diterima oleh masyarakat tanpa curiga.¹²⁰

Pada zahirnya tokoh-tokoh cendekiawan muslim ini seolah-olah memperjuangkan Islam dan ajarannya namun hakikatnya merekalah yang menyebarkan racun berbisa ke tengah masyarakat tanpa disedari oleh anak bangsa. Mereka berada bersama-sama saf panjang Inggeris untuk merosakkan generasi Islam. Sebagai contoh, Sycikh Ali Abdul

¹¹⁸Semasa beliau menulis kitab ini, beliau adalah salah seorang anggota tertinggi ulama Azhar dan kadi di Mahkamah Rendah Syarak al-Mansūrah. Akibat daripada pemikiran beliau yang bercanggah dengan agama, beliau telah dibicarakan di hadapan Sycikh al-Azhar dan sebuah panel pembesar ulama dan dijatuhi hukuman dengan dipecat daripada menjadi anggota tertinggi ulama Azhar.

¹¹⁹Ali Abd. Rāziq, (1966), *Al-Islām wa Usūl al-Hukm*, Beirut, hal. 201.

¹²⁰Ali Jarīsyah, *op.cit.*, hal. 103.

Rāziq dan keluarganya adalah ahli Parti *High al-Ummah* iaitu parti yang dinaungi sendiri oleh Lord Cromer, Gabenor Jeneral Inggeris di Mesir.¹²¹

Dari sudut pemerintahan pula, bermula daripada zaman Muhammad Ali, Mesir mula mengalami perubahan drastik dengan mengambil ketamadunan dan kemodenan Barat sebagai asas iktuan. Hal ini ditambah oleh dorongan dan desakan para ilmuan Islam yang mendapat pendidikan Barat.

Seterusnya pada zaman-zaman selepas itu, Mesir semakin jauh diresapi oleh kebudayaan Barat sepertimana yang berlaku di dalam pemerintahan Gamal Abdel Nasser (1918-1970). Gamal yang berjaya menggulingkan Raja al-Farouk (1920-1965) pada tahun 1954 berusaha memodenkan Mesir dan menjadikannya sebagai sebuah negara sekular.¹²² Sehingga ke hari ini, berdasarkan kepada Undang-Undang Dasar Republik Arab Mesir tahun 1980, Mesir adalah sebuah negara sosialis demokratik yang menyerahkan kedaulatan di tangan rakyat. Rakyatlah yang menjadi sumber kekuatan negara.¹²³

Sebagai kesimpulan, perjalanan sejarah di Turki dan Mesir yang memperlihatkan proses asimilasi fahaman sekularisme dan peminggiran nilai-nilai Islam yang sejati daripada kehidupan masyarakat Islam (seperti di Turki) membuktikan bahawa kuasa Barat tidak akan sekali-kali menerima Islam didaulatkan di muka bumi. Mereka akan cuba sedaya upaya untuk memberi pukulan maut kepada Islam. Setelah kekalahan mereka di dalam siri-siri peperangan salib (1096-1291) peperangan tetap diteruskan, kini menerusi medan baru iaitu perang psikologi (*الفكر غزو*). Sekularisme adalah sebahagian daripada agenda perang psikologi ini.

¹²¹ Abd. Rahman Haji Abdullah, *op.cit.* hal. 98.

¹²² Rosli Ishak, (1995), *Pentadbiran Awam Perbandingan*, Kuala Lumpur, hal. 17.

¹²³ H. Munawir Sjadzali, MA, (1990), *Islam dan Tata Negara*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, hal. 224.